Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia berkembang 4.4% pada suku ketiga 2019.**
- **Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan terutamanya luputnya kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST) pada kadar sifar, manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa berjumlah RM11.5 bilion (3.1% daripada PNK).**

Ekonomi Malaysia berkembang 4.4% pada suku ketiga 2019

Pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang dengan sederhana pada kadar 4.4% pada suku ketiga 2019 (S2 2019: 4.9%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sektor-sektor utama yang lebih rendah dan kemerosotan di dalam aktiviti perlombongan dan pembinaan. Dari segi permintaan, kebanyakan komponen permintaan dalam negeri dan eksport bersih mencatatkan momentum yang lebih perlahan. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi berkembang 0.9% (S2 2019: 1.0%).

Pertumbuhan berterusan pada S3 2019

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar mencatatkan penguncupan

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta tanaman modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus menjadi teras pertumbuhan, meskipun pada momentum yang lebih perlahan

Pertumbuhan permintaan dalam negeri menjadi sederhana kepada 3.5% (S2 2019: 4.6%), dengan perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan.

Penggunaan swasta berkembang 7.0% (S2 2019: 7.8%) apabila perbelanjaan isi rumah kembali ke paras yang wajar ke arah haluan jangka panjangnya. Hal ini sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang kukuh berikutan perbelanjaan dalam tempoh pelepasan cukai pada tahun lepas. Namun begitu, perbelanjaan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan, serta langkah-langkah terpilih yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Perbelanjaan penggunaan awam meningkat 1.0% (S2 2019: 0.3%). Walaupun pertumbuhan emolumen kekal positif, perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan terus menguncup, meskipun pada kadar yang lebih kecil. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup sebanyak 3.7% (S2 2019: -0.6%) disebabkan oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih perlahan dan penguncupan pelaburan sektor awam yang lebih besar. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur menguncup sebanyak 2.4% (S2 2019: +1.2%), sementara pelaburan untuk jentera dan kelengkapan terus menurun kepada -7.4% (S2 2019: -4.2%). Walau bagaimanapun, pelaburan dalam jenis aset lain meningkat kepada 3.6% (S2 2019: 1.0%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih tinggi.

Pertumbuhan pelaburan swasta berkembang sedikit pada 0.3% (S2 2019: 1.8%) akibat perbelanjaan modal yang lebih rendah di sektor ekonomi utama. Pelaburan terus terjejas akibat ketidakpastian yang semakin meningkat mengenai keadaan luaran dan kelemahan yang berterusan dalam segmen harta tanah yang luas.

Pelaburan awam kekal menguncup (-14.1%; S2 2019: -9.0%), mencerminkan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam.

Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus memacu pertumbuhan ekonomi

Sektor perkhidmatan berkembang 5.9% pada suku ketiga 2019 (S2 2019: 6.1%). Kebanyakan subsektor utama mencatatkan pertumbuhan yang sederhana. Dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, pengembangan segmen borong yang lebih kukuh diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam segmen runcit dan kenderaan bermotor. Pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan juga lebih rendah dalam keadaan aktiviti perdagangan yang semakin lemah, manakala subsektor kewangan dan insurans terjejas akibat aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan meskipun pendapatan berasaskan fi lebih tinggi. Sementara itu, subsektor maklumat dan komunikasi mencatatkan pertumbuhan yang sederhana, mencerminkan permintaan yang lebih perlahan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pertumbuhan sektor perkilangan juga sederhana pada 3.6% (S2 2019: 4.3%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri E&E dan berkaitan pengguna. Dalam kelompok E&E, pengeluaran produk berkaitan elektronik terjejas akibat permintaan global yang terus lemah. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berkaitan pengguna[1] disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah dan minyak sawit ditapis yang lebih rendah. Kategori kelengkapan pengangkutan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh asas yang tinggi pada tempoh pelepasan GST tahun lepas.

Sektor pertanian berkembang 3.7% (S2 2019: 4.2%) disebabkan oleh kadar pemulihan dalam pengeluaran kelapa sawit yang perlahan manakala aktiviti perhutanan dan pembalakan terus menguncup. Faktor-faktor ini lebih daripada mengimbangi peningkatan pengeluaran getah dan ternakan.

Sementara itu, sektor perlombongan menguncup 4.3% (S2 2019: +2.9%) disebabkan terutamanya oleh kerja-kerja penyenggaraan yang memberi kesan terhadap pengeluaran minyak. Hal ini telah mengimbangi sebahagian daripada pemulihan hasil gas asli yang berterusan.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan menguncup sebanyak 1.5% (S2 2019: +0.5%). Penyumbang utama ialah penguncupan yang lebih besar dalam subsektor bukan kediaman ekoran lebihan bekalan harta tanah komersial yang berterusan. Dalam subsektor kediaman, aktiviti terus menurun dalam keadaan bilangan harta tanah kediaman tidak terjual yang tinggi. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam menjadi sederhana berikutan projek-projek petrokimia besar dan lebuh raya yang hampir siap. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas juga lebih perlahan disebabkan oleh kerja-kerja awal yang berkurang daripada projek besar yang telah berada pada fasa kerja peringkat pertengahan.

Kebanyakan sektor ekonomi berkembang, kecuali perlombongan dan pembinaan

Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disumbang terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] Pengeluaran minyak sawit mentah dan minyak sawit ditapis berada dalam kelompok berkaitan pengguna kerana produk-produk ini dikategorikan di bawah pengilangan produk makanan dalam Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia.

Inflasi keseluruhan yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



- Inflasi keseluruhan (%)
- Inflasi teras[1] (%)
- Inflasi teras[1] (mata peratusan)
- Bahan api (mata peratusan)
- Kesan bersih daripada perubahan dasar cukai penggunaan (mata peratusan)
- Lain-lain[2] (mata peratusan)

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.3% pada S3 2019 (S2 2019: 0.7%).

Kadar inflasi yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya luputnya kesan GST pada kadar sifar antara bulan Jun dan Ogos 2018. Hal ini berlaku meskipun luputnya kesan daripada pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST) pada bulan September, yang telah menyumbang kepada penurunan inflasi keseluruhan pada bulan tersebut (September: 1.1%; Ogos: 1.5%; Julai: 1.4%).

Sumbangan negatif kepada inflasi keseluruhan daripada bahan api bertambah sedikit pada suku ketiga. Hal ini mencerminkan penurunan harga petrol RON97 dalam keadaan harga purata minyak dunia yang lebih rendah (Harga purata petrol RON97 seliter pada S3 2019: RM2.56; S2 2019: RM2.65).

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan, kekal stabil pada 1.5% (S2 2019: 1.6%). Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan pada amnya kekal stabil dan terkawal, dengan ketiadaan tekanan upah yang berlebihan dan terdapatnya lebihan kapasiti dalam stok modal.

Keadaan pasaran pekerja menyokong pertumbuhan

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong pertumbuhan pada suku ketiga. Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.3% (S2 2019: 3.3%) memandangkan pertambahan guna tenaga adalah seiring dengan pengembangan tenaga kerja. Pertumbuhan guna tenaga juga kekal mampan pada 2.1% (S2 2019: 2.1%).

Pertumbuhan upah sektor swasta menjadi sederhana kepada 3.8% (S2 2019: 4.2%). Hal ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan upah perkhidmatan yang secara relatif kekal mampan (4.1%; S2 2019: 4.4%), khususnya dalam subsektor makanan dan minuman (6.0%; S2 2019: 5.8%); dan subsektor maklumat dan komunikasi (3.5%; S2 2019: 3.6%). Pertumbuhan upah perkilangan lebih sederhana (3.2%; S2 2019: 3.9%). Pertumbuhan upah yang lebih rendah kebanyakannya berlaku dalam industri yang berorientasikan eksport, khususnya dalam kelompok E&E (4.1%; S2 2019: 5.1%) dan kelompok petrokimia (2.2%; S2 2019: 3.1%).

Pertumbuhan guna tenaga yang mampan

Rajah 10: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor swasta menjadi sederhana

Rajah 11: Upah Sektor Swasta*



* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini merangkumi 62.9% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kemerosotan eksport komoditi dan E&E lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam eksport berasaskan bukan sumber

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan lebih lembap dari ekonomi serantau

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport terus menurun dan import menguncup dengan lebih ketara

Pada suku ketiga 2019, eksport kasar menguncup sebanyak 1.9% (S2 2019: -0.4%). Penguncupan ini mencerminkan kemerosotan eksport komoditi dan E&E, yang lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam eksport berasaskan bukan sumber. Import kasar merosot kepada -5.8% (S2 2019: -1.4%) dan menyeluruh. Lebihan perdagangan[2] meningkat kepada RM33.5 bilion (S2 2019: RM30.4 bilion).

Pertumbuhan eksport komoditi menjadi negatif (-10.0%, S2 2019: 0.2%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam eksport petroleum mentah (-43.9%, S2 2019: -10.4%). Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh penutupan sementara bagi tujuan penyelenggaraan di beberapa medan minyak terpilih dan harga minyak global yang lebih rendah. Eksport perkilangan menguncup 0.6% (S2 2019: 0.2%) susulan daripada eksport E&E dan eksport berasaskan sumber yang lebih rendah. Eksport E&E mencatatkan kemerosotan yang lebih besar (-4.9%; S2 2019: -0.6%) dalam keadaan permintaan yang lebih rendah dari RR China dan ekonomi serantau, sebahagiannya disebabkan oleh kelembapan jualan semikonduktor global dan ketegangan perdagangan yang sedang berlaku. Sebaliknya, produk berasaskan bukan sumber meningkat pada kadar yang lebih cepat (6.9%; S2 2019:1.2%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap alat kelengkapan pengangkutan, perkakas dan komponen jentera serta keluaran besi dan keluli.

Import barangan pengantara menguncup (-3.0%; 2Q 2019: 6.8%) pada suku ketiga disebabkan oleh import yang lebih rendah untuk perkakas elektronik dan peralatan telekomunikasi, serta bekalan perindustrian yang diproses, seperti bahan kimia dan besi. Import barangan modal mencatatkan penguncupan yang lebih besar (-15.4%; S2 2019: -8.9%) akibat kemerosotan pelaburan untuk jentera dan kelengkapan pengangkutan yang lebih besar.

[2] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan timbul berikutan pengecualian barangan untuk diproses, penyimpanan dan pengedaran dalam akaun baranganseperti yang terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (*Balance of Payments and International Investment Position Manual,* BPM6) IMF.

Lebihan akaun semasa didorong oleh lebihan barangan yang bertambah

Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran berjumlah RM11.5 bilion atau 3.1% daripada PNK pada suku ketiga 2019 (S2 2019: RM14.3 bilion atau 3.9% daripada PNK). Lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit perkhidmatan yang lebih rendah diimbangi oleh defisit pendapatan primer yang lebih besar.

Dengan kemerosotan pertumbuhan import yang melebihi eksport, lebihan akaun barangan meningkat kepada RM30.8 bilion (S2 2019: RM28.1 bilion).

Dalam akaun perkhidmatan, defisit berkurang kepada RM1.6 bilion (S2 2019: -RM3.4 bilion) pada suku ketiga. Hal ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam lebihan akaun perjalanan (RM9.5 bilion; S2 2019: RM7.1 bilion) berikutan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita pelancong yang lebih tinggi.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM12.2 bilion (S2 2019: -RM5.5 bilion). Hal ini disebabkan oleh keuntungan yang lebih rendah diperoleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dan keuntungan lebih tinggi yang diperoleh pelabur asing di Malaysia.

Defisit dalam akaun pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S2 2019: -RM4.9 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Lebihan barangan bertambah

Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan langsung luar negeri dan pelaburan langsung asing yang lebih sederhana

Rajah 15: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih.
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin and bukan pemastautin

Rajah 16: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.3 bilion (S2 2019: -RM18.6 bilion). Pada suku ketiga, aliran keluar dalam akaun pelaburan langsung dan pelaburan portfolio diimbangi sebahagian oleh aliran masuk dalam akaun pelaburan lain. Yang ketara, pelaburan jangka panjang mencatat aliran yang lebih perlahan pada suku ketiga.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.8 bilion (S2 2019: aliran keluar bersih RM8.2 bilion), terutamanya disebabkan aliran pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) yang lebih kecil. Pada suku ketiga, DIA oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.7 bilion (S2 2019: -RM12.6 bilion). Aliran keluar ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor kesenian, hiburan dan rekreasi. Pelaburan Langsung Asing (foreign direct investment, FDI) juga mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.9 bilion (2Q 2019: +RM4.4 bilion). Meskipun suntikan modal ekuiti meningkat, peningkatan ini diimbangi oleh pembayaran dividen para pelabur langsung yang lebih tinggi, dan pembayaran balik bersih pinjaman antara syarikat kepada syarikat induk dan syarikat sekutu. FDI disalurkan terutamanya ke dalam perkhidmatan bukan kewangan, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit, dan sektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM26.8 bilion (S2 2019: -RM10.2 bilion), berikutan aliran keluar daripada pelabur pemastautin dan bukan pemastautin. Pelapburan portfolio pemastautin di luar negeri mencatatkan aliran keluar bersih yang agak besar (RM18.9 bilion; S2 2019: -RM5.0 bilion) berikutan pembelian ekuiti dan sekuriti hutang di luar negeri oleh pelabur institusi. Bagi pelabur bukan pemastautin, meskipun aliran masuk ke dalam pasaran bon domestik (sila rujuk perkembangan dalam pasaran kewangan domestik pada muka surat 25), pembayaran balik yang disebabkan oleh kematangan sekuriti hutang antarabangsa mengakibatkan aliran keluar sebanyak RM7.9 bilion pada suku tersebut (S2 2019: -RM5.1 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM25.3 bilion (S2 2019: -RM0.3 bilion) disebabkan oleh pembalikan (*reversal*) penempatan antara bank sebelum ini yang telah matang oleh bank pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM3.7 bilion, atau -0.8% dari jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri lebih rendah

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM916.4 bilion, atau 60.4% daripada KDNK pada akhir bulan September 2019 (akhir bulan Jun 2019: RM931.1 bilion atau 61.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih rendah ini mencerminkan terutamanya penurunan pinjaman antara syarikat. Hal ini disebabkan terutamanya oleh konsolidasi obligasi hutang bersih sebuah syarikat multinasional asing dalam sektor perlombongan. Terdapat juga pembayaran balik bersih bon dan nota pada suku ketiga.

Hutang luar negeri yang lebih rendah ini diimbangi sebahagiannya oleh pemerolehan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin dan peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Selain itu, terdapat juga penilaian semula yang lebih tinggi susulan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang serantau dan utama pada tempoh tersebut.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang ini. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.9%; akhir bulan Jun 2019: 31.7%), dan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 62.5% hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan dalam deposit ringgit (bahagian sebanyak 17.8%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian akibat turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM615.3 bilion atau 67.1% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing (foreign currency, FCY). Sektor korporat mencakupi hampir separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan sebahagian besarnya tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai.

Dari segi instrumen, 39.0% (atau RM239.6 bilion) daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY merupakan peminjaman antara bank dan deposit FCY dalam sistem perbankan domestik. Sebanyak 74.0% daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang kebanyakannya stabil yang diambil daripada pejabat berkaitan di luar negeri, termasuk bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat. Hal ini mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai dan pendanaan berpusat oleh bank. Risiko mata

Hutang luar negeri lebih rendah pada S3 2019

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: -RM14.6 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)



[1] Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar terhadap bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

wang asing yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih pendedahan[3] dalam denominasi FCY kekal rendah pada 4.1% daripada jumlah modal bank.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir yang mencakupi 25.3% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY, berjumlah RM155.7 bilion pada akhir bulan September 2019. Hutang luar negeri ini kebanyakannya diambil oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berkaitan berjumlah RM91.4 bilion dan mencakupi 14.9% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Dari segi tempoh matang, 57.0% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Jun 2019: 58.3%), lantas menunjukkan risiko pelanjutan (rollover risks) yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 43.0% daripada jumlah hutang luar negeri. Meskipun terdapat risiko pelanjutan, ia adalah terkawal dengan baik. Hampir separuh daripada hutang luar negeri jangka pendek merupakan peminjaman antara kumpulan dalam kalangan bank dan syarikat yang rata-ratanya stabil dan pada kadar konsesi, manakala 12% lagi ialah kredit perdagangan, yang sebahagian besarnya disandarkan pada perolehan eksport. Pada 31 Oktober 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD103.2 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[3] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang di seluruh bank.